



**PARLIMEN MALAYSIA
(KAMAR KHAS)**

UCAPAN DI BAWAH USUL BERKENAAN

PERKARA

TADBIR KERAJAAN

(*PERATURAN MESYUARAT 17*)

DEWAN RAKYAT

MESYUARAT KETIGA

PENGGAL KEDUA

PARLIMEN KEEMPAT BELAS

KEMENTERIAN AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI

29 OKTOBER 2019 (SELASA)

2.30 PETANG HINGGA 4.30 PETANG

Ucapan : Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]
Tajuk Ucapan : Isu Permasalahan Bekalan Air Di Kampung Bukit Kuin Dan
Perkampungan Bandar Sungai Lembing
Tarikh Ucapan : 29 Oktober, 2019 (Selasa)
Kementerian : Kementerian Air, Tanah Dan Sumber Asli

Tuan Yang di-Pertua,

Saya ingin membangkitkan isu permasalahan bekalan air di Kampung Bukit Kuin, dan perkampungan di sekitar Bandar Sungai Lembing Kuantan Pahang. Isu setempat yang saya bangkitkan ini berhubungkait dengan masalah bekalan air harian rakyat Paya Besar khususnya masyarakat di DUN Sungai Lembing.

Tuan Yang di--Pertua,

Untuk makluman, masalah bekalan air tidak stabil berlaku di Kawasan Bukit Kuin yang melibatkan sejumlah 500 akaun adalah disebabkan oleh beberapa perkara yang menjejaskan pengguna di kawasan tinggi yang mana menggunakan bekalan air dari loji air Semambu disalurkan terus kepada penduduk di kawasan tersebut. Manakala, masalah bekalan air yang tidak stabil yang berlaku di perkampungan Bandar Sungai Lembing melibatkan kawasan Kampung Seberang, Kampung Kolong Pahat, Kampung Air Terjun dan Kampung Sungai Arang Sungai Lembing yang melibatkan sejumlah 1800 akaun adalah disebabkan oleh beberapa yang menjejaskan pengguna di kawasan tinggi yang menggunakan bekalan air Sungai Lembing disalurkan terus kepada penduduk di kawasan tersebut.

Masalah paip pecah ini sering timbul berikutan rangkaian paip agihan yang terdiri daripada pelbagai jenis paip dengan jarak 63 km bagi bekalan seluruh kawasan Sungai Lembing dan sekitarnya. Paip jenis Asbestos Cement yang digunakan di Kampung Bukit Kuin dan kawasan Perkampungan Bandar Sungai Lembing yang sudah usang di mana telah menjangkau usia 30 tahun sering menyebabkan masalah paip pecah yang mengakibatkan gangguan bekalan air kepada pengguna di mana pihak Pengurusan Air Pahang Sdn Bhd (PAIP) perlu mengawal tekanan bagi mengatasi masalah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam mengatasi permasalahan ini, Pengurusan Air Pahang Sdn Bhd (PAIP) telah mengambil langkah yang proaktif dengan membaiki semula paip yang pecah akan tetapi langkah ini bersifat hanya sementara. Paip tersebut akan pecah semula dan menyebabkan bekalan air kembali terputus seterusnya menyukarkan penduduk setempat untuk melakukan urusan harian mereka.

Justeru, saya ingin pihak Kementerian menyelesaikan permasalahan yang timbul ini dengan menggantikan paip air utama yang usang ini kepada yang baharu. Saya berharap Kerajaan dapat mengkaji kaedah dan penyelesaian yang terbaik bagi mengatasi masalah ini. Saya juga berharap isu ini dapat diselesaikan dengan kadar segera memandangkan ia melibatkan keperluan asas penduduk.

Sekian sahaja. Ribuan terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di--Pertua dan YB Menteri/Timbalan Menteri.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sebelum saya menjawab soalan Yang Berhormat Paya Besar, saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat terhadap keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 15 Mei 2019 bahawa projek-projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) pada masa hadapan akan dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) melalui peruntukan secara geran. Dalam kes Kg. Bukit Kuin dan Sg. Lembing Kuantan, Kementerian telah membuat semakan dengan Majlis Perbandaran Kuantan dan disahkan bahawa kedua-dua kampung tersebut dikategorikan sebagai luar bandar seperti yang diwartakan di dalam Rancangan Tempatan Daerah (RTD) Kuantan.

Bagi mengatasi masalah bekalan air di Kampung Bukit Kuin, Kuantan, pihak PAIP sedang menyediakan kertas kerja untuk cadangan kerja-kerja menaiktaraf sistem bekalan air di Kampung Bukit Kuin. Antara skop kerja yang dicadangkan ialah membina tangki simpanan yang lengkap dengan sistem pam dan pemasangan paip air dengan anggaran kos bagi projek RM 7 juta. Projek ini dijangka dapat menambah kapasiti simpanan bekalan air bagi kampung tersebut dari 182,000 liter kepada 750,000 liter.

Bagi mengatasi masalah bekalan air di Perkampungan Bandar Sungai Lembing pula, terdapat cadangan permohonan program menaiktaraf paip air dan sistem Loji Rawatan Air di Perkampungan Bandar Sungai Lembing dengan anggaran kos RM30 juta.

Justeru, Kementerian ini mencadangkan supaya pihak Pengurusan Air Pahang Berhad (PAIP) mengemukakan permohonan projek cadangan mengatasi masalah bekalan air di Kampung Bukit Kuin dan Sg. Lembing Kuantan ini kepada KPLB untuk tindakan seterusnya.

Sekian, terima kasih.